

TARIKH	RABU, 30 OKTOBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	JEPUN MULAKAN SEMULA OPERASI LOJI KUASA NUKLEAR ONAGAWA
M/S	33
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NPP, ONAGAWA, JAPAN

Jepun mulakan semula operasi loji kuasa nuklear Onagawa

Tokyo: Loji kuasa nuklear terdekat dengan pusat gempa bumi besar yang melanda Jepun pada 2011 bersedia untuk beroperasi semula, suatu peristiwa penting dalam usaha negara itu memulihkan semula penggunaan tenaga atomnya.

Unit 2 di Loji Kuasa Nuklear Onagawa di timur laut Jepun sedang dalam proses dihidupkan semula selepas penyelenggaraan apabila gempa bumi dan tsunami Tohoku menyebabkan kerosakan lebih 13 tahun lalu.

Sebelum ini, ia mengalami beberapa kerosakan, tetapi terhindar daripada bencana yang berlaku di Loji Kuasa Nuklear Fukushima Dai-ichi di selatan.

Sementara itu, Syarikat Tenaga Elektrik Tohoku bertanggungjawab memulakan unit di Onagawa semalam dan protokol ketat diperlukan untuk memulakannya semula selepas bencana Fukushima, berikutan tidak beroperasi sekian lama.

Tenaga nuklear sebelum ini menyumbang sekitar 25 peratus

daripada bekalan elektrik Jepun sebelum bencana, tetapi ia hanya menyumbang enam peratus setakat Mac 2023, menurut data rasmi terkini.

Selain menjadi yang terdekat dengan pusat gempa Tohoku, Onagawa No 2 juga akan menjadi reaktor pertama yang beroperasi di Jepun timur, menjadikannya potensi titik perubahan dalam usaha kerajaan menghidupkan semula teknologi itu, walaupun terdapat isu sensitiviti.

Peraturan keselamatan yang lebih ketat diperkenalkan selepas bencana 2011 dan utiliti kini bertanggungjawab untuk menjalankan kerja pengubahsuaian di reaktor sebelum dihidupkan semula.

Proses ini boleh mengambil masa bertahun-tahun dan kelewatan adalah perkara biasa, malah tentangan pihak pembangkang juga boleh menggagalkan proses pemulihan.

Bahagian timur Jepun, termasuk ibu kota Tokyo, mengalami kekurangan tenaga secara


berkala akibat kelewatan dalam menghidupkan semula reaktor.

Keidanren, pelobi perniagaan terbesar di negara itu menggesa kerajaan mempercepatkan pemulihan pembekalan tenaga berasaskan kuasa nuklear.

Jepun bersama banyak negara di seluruh dunia berminat untuk memperbanyakkan tenaga nuklear kerana ia bebas pelepasan dan berbeza dengan tenaga angin atau solar yang tidak stabil, kerana nuklear adalah sumber elektrik yang stabil.

Tokyo juga sedang berusaha menarik minat pengeluar cip seperti Taiwan Semiconductor Manufacturing Company, serta pusat data kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan bekalan tenaga yang tinggi.

AGENSI



Loji nuklear Onagawa di wilayah Miyagi, Jepun, dijadualkan beroperasi semula di kawasan bersebelahan Fukushima, lokasi bencana nuklear pada 2011. (Foto AFP)

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM